

**HUBUNGAN ANTARA PROGRAM NILAM DENGAN
MINAT MEMBACA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR: SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

SHARIFFAH HUDAH BINTI SHARIF ALI



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

**HUBUNGAN ANTARA PROGRAM NILAM DENGAN
MINAT MEMBACA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR: SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

SHARIFFAH HUDAH BINTI SHARIF ALI




PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.



.....
SHARIFFAH HUDAH BINTI SHARIF ALI

PS2005-006(K)-088

08 Mei 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA PROGRAM NILAM DENGAN MINAT
MEMBACA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR: SATU
KAJIAN TERHADAP PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN
EMPAT

IJAZAH : SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 11 JUN 2008.

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

DR SUYANSAH SWANTO



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dr. Suyansah Swanto', is written over a horizontal dotted line.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

@

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : HUBUNGAN ANTARA PROGRAM NILAM DENGAN MINAT MEMBACA DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR : SATU KAJIAN TERHADAP
PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN EMPAT

IJAZAH : Sarjana (Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2008

Saya, SHARIFFAH HUDAH BINTI SHARIF ALI mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis: SHARIFFAH HUDAH BINTI SHARIF ALI)

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Taman Puterajaya Telipok,
Peti Surat 15331,
88863 Kota Kinabalu,
Sabah, MALAYSIA

(Penyelia: Dr. Suyansah Swanto)

Tarikh: 9 Mei 2008

Tarikh: 24/6/2008

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah perkenanNya, saya berjaya akhirnya menamatkan pengajian Sarjana Pengurusan Pendidikan di Universiti Malaysia Sabah sesi 2006-2007. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Doktor Suyansah Swanto di atas segala nasihat, tunjuk ajar dan semangat yang diberikan di dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga buat Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah iaitu Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamad yang telah memberi dorongan dan perangsang bagi menamatkan pengajian dalam program ini.

Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah sesi 2006-2007 iaitu Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid, Prof. Madya Dr. Vincent Pang, Dr. Haji Mohd Yusof Abdullah, Dr. Hajjah Naemah Yusof, Dr. Sabariah Sharif terima kasih diucapkan di atas teguran dan nasihat di dalam banyak perkara sepanjang tempoh pengajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai-pegawai di Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Jabatan Pendidikan Sabah yang memberi kepercayaan dan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), kakitangan Pusat Sumber Pendidikan Negeri Sabah (Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah), kakitangan Perpustakaan Negeri Sabah, kakitangan Pusat Kegiatan Guru Kota Kinabalu, Guru Media Pn. Suanah dan kakitangan Pusat Sumber Sekolah Menengah Saint Peter Telipok, Kota Kinabalu yang telah membenarkan saya membuat rujukan sepanjang kursus ini.

Tidak lupa juga kepada Pengetua Sekolah Menengah Saint Peter Telipok, Kota Kinabalu iaitu Pn. Mary Macdalena A. Komuji, Penolong Kanan I iaitu Pn. Chui Sai Choo, guru-guru sesi pagi iaitu Pn. Chan, Pn. Sity Norafidha, Pn. Soince, Pn. Lendah, Ust. Nik Hassan, En. Awang Ali, Pn. Siti Fatimah dan suami, Pn. Helena dan suami, Pn. Iris, Pn. Werline, Cik Nuklia, Ustz Siti Zainab, Pn. Nurhafizah, Pn. Rossimawati, Pn. Elizebeth dan suami, Pn. Marina dan suami, Pn. Asiah dan lain-lain, guru-guru sesi petang serta KTBM iaitu Pn. Morsiah, Pn. Aminah, Pn. Rosmah, En. Andrew, En. Kimun, En. Francis yang turut sama memberikan kerjasama, komitmen dan semangat kepada saya sepanjang tempoh pengajian ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada anda sekalian.

Buat suami tercinta Encik Jaikin Gondili yang sama-sama berjuang dengan saya yang selama ini sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk terus belajar sehingga selesainya pengajian ini. Buat anak-anak mama yang dikasihi Mohd Redzuan Jaikin, Siti Najwa Jaikin, Mohd Nazrin Jaikin dan Siti Salwa Jaikin, kamu sentiasa dalam ingatan mama dan sentiasa membawa cahaya kejayaan dan kecemerlangan untuk mama dan baba. Buat kedua ibu bapa saya iaitu En. Haji Sharif Ali Sharif Ahmad dan Pn. Hajjah Shariffah Pikang Sharif Amang, adik beradik saya iaitu En. Sharif Jakaria dan isteri, En. Sharif Hamjah dan isteri serta adik Nurhaidah, kedua mertua saya iaitu En. Gondili Anggai dan Pn. Gibah Madaun, terima kasih atas segala nasihat, semangat dan pengorbanan yang diberikan selama ini.

ABSTRAK

HUBUNGAN ANTARA PROGRAM NILAM DENGAN MINAT MEMBACA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR: SATU KAJIAN TERHADAP PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN EMPAT

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif bertujuan untuk melihat perbezaan persepsi pelajar terhadap Program NILAM mengikut jantina dan kaum. Selain itu, kajian ini turut meninjau dari segi hubungan persepsi pelajar terhadap Program NILAM dengan minat membaca. Di samping itu, hubungan persepsi pelajar terhadap Program NILAM dengan pencapaian akademik pelajar turut dikaji. Kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik diaplikasikan dalam kajian ini. Pemilihan sampel melibatkan lima buah sekolah menengah di daerah Tuaran. Seramai 204 orang pelajar iaitu 95 orang pelajar lelaki dan 109 orang pelajar perempuan dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Analisis data kajian menggunakan kaedah peratusan, Ujian-t, Ujian Anova Sehala, Korelasi Pearson dan Korelasi Spearman. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam persepsi pelajar terhadap Program NILAM dari segi jantina. Di mana jantina dengan catatan [$t = -3.760$; $p < 0.01$]. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap Program NILAM dari segi kaum. Di mana kaum dengan catatan [$F [3, 200] = .401$, $p > 0.05$]. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Program NILAM dengan minat membaca di kalangan pelajar iaitu dengan catatan [$r = .616$, $p < 0.01$]. Hasil kajian menunjukkan semakin positif persepsi pelajar terhadap Program NILAM semakin tinggi minat membaca pelajar. Ujian Korelasi Spearman menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Program NILAM dengan pencapaian Bahasa Melayu PMR 2007 dengan catatan [$\rho = .128$, $p > 0.05$]. Hasil kajian mendapati tidak terdapat hubungan persepsi pelajar terhadap Program NILAM dengan pencapaian Bahasa Melayu PMR 2007. Kajian kualitatif bertujuan untuk melihat peranan ibu bapa atau penjaga terhadap penyertaan pelajar dalam Program NILAM. Berdasarkan kepada analisis data temu bual dalam Soalan Kajian 1, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua ibu bapa atau penjaga sering membeli buku kecuali 1 orang (5 %) responden mengakui ibu bapa atau penjaga mereka tidak pernah membeli buku bacaan kepada mereka. Dalam Soalan Kajian 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua ibu bapa atau penjaga bertanya tentang buku yang mereka baca kecuali 2 orang (10 %) responden mengakui ibu bapa atau penjaga mereka tidak pernah bertanya tentang buku yang mereka baca disebabkan kesibukan bekerja. Dalam Soalan Kajian 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua ibu bapa atau penjaga mereka selalu menyemak buku rekod bacaan NILAM kecuali 1 orang (5 %) responden mengakui ibu bapa atau penjaga mereka tidak selalu menyemak kerana kesibukan bekerja manakala 6 orang (30 %) responden mengakui ibu bapa atau penjaga mereka tidak pernah menyemak buku rekod NILAM mereka. Dalam Soalan Kajian 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden iaitu 20 orang (100 %) mengakui ibu bapa atau penjaga mereka menggalakkan mereka membaca. Dalam Soalan Kajian 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua ibu bapa atau penjaga sering membawa mereka ke perpustakaan awam kecuali 4 orang (20 %) responden menyatakan mereka pergi ke perpustakaan awam bersama rakan-rakan atau dengan adik atau pergi sendiri.

ABSTRACT

CORRELATION BETWEEN THE READING INTEREST AND ACADEMIC PERFORMANCE STUDENTS TOWARDS THE IMPLEMENTATION OF THE NILAM PROGRAMME: A RESEARCH TOWARDS FORM FOUR STUDENTS PERCEPTION

The research was based on both quantitative and qualitative methods. The aim of the quantitative method was to investigate form four students' perception towards NILAM Reading Programme based on sex and race. Specifically, the study looked into the relationship between students' perception and reading interests. In addition, the relationship between students' perception and their academic performance was also examined. The data of this research was collected using a questionnaire and a structured interview. 5 Tuaran District Secondary Schools were randomly chosen as samples. There were 204 students consisting of 95 boys and 109 girls. Data research analysis was based on percentage, T-Test, One Way Anova Test, Pearson Correlation and Spearman Correlation. The finding of the study suggested that there was a significant difference in the students' perception of NILAM Programme based on sex [$t = -3.760$; $p < 0.01$]. However, the finding of the study showed that there was no significant difference in the students' perception of the reading programme based on race [$F [3,200] = .401$, $P > 0.05$]. Furthermore, Pearson correlation test indicated that there was a significant positive relationship between NILAM Programme and reading interests among the respondents [$r = .616$, $p < 0.01$]. The finding of the study also showed that the more positive students' perception was towards NILAM Programme, the higher students' reading interests were. Spearman correlation test showed that there was no significant relationship between students' perception and Bahasa Melayu PMR achievement [$\rho = .128$, $P > 0.05$]. The study showed that there was no significant relationship between the students' perception of NILAM Programme and their Bahasa Melayu 2007 PMR achievement. The qualitative method was to determine the role of parents in the students' participation in the NILAM Programme. Based on the data from the first question of the structured interview, the finding indicated that all their parents or guardian often bought them books except for 1 (5 %) respondent. From the second question, it was showed that all their parents or guardian asked them about the books they had read except for 2 (10 %) respondents who admitted that their parents were too busy. As from the third question, the response showed that all their parents or guardian checked their NILAM record books regularly except for 1 (5 %) where as 6 (30%) respondents admitted that their parents or guardian never checked their NILAM record books. From the fourth question, the result showed that all the 20 respondents (100 %) admitted that their parents encouraged them to read. Finally, it was found that all their parents or guardian took them to the public library except for 4 (20 %) respondents who went to the public library either with their friends, brother, sister or even on their own.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENYELIA	ii
PENGESAHAN STATUS DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Soalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Definisi Operasional	13
1.8.1	Program NILAM	13
1.8.2	Persepsi	13

1.8.3	Pelajar	13
1.8.4	Minat Membaca	14
1.8.5	Pencapaian Akademik	15
1.9	Kepentingan Kajian	15
1.10	Rumusan	16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Pengertian Membaca	17
2.3	Program NILAM	19
2.4	Hubungan Program NILAM dengan Minat Membaca	25
2.5	Hubungan Program NILAM dengan Pencapaian Akademik Pelajar	28
2.6	Peranan Ibu Bapa Dalam Memupuk Minat dan Budaya Membaca Dalam Kalangan Anak-Anak	31
2.7	Kerangka Model	34
2.8	Teori Motivasi dan Teori Kognitif Sosial	38
2.9	Kajian Lepas berkaitan dengan Program NILAM	39
2.10	Kajian Membaca di Malaysia	41
2.11	Laporan Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan Tahun 2001, 2002, 2003, 2004	47
2.12	Kajian Membaca di Luar Negara	53
2.13	Kerangka Konseptual Kajian	56
2.14	Rumusan	57

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	59
3.4	Lokasi Kajian	60
3.5	Instrumen Kajian	61
3.6	Pengurusan Soal Selidik	63
3.7	Pengurusan Temu Bual	63
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	64
3.9	Kajian Rintis	65
3.10	Proses Menganalisa Data	66
3.10.1	Ujian-t	66
3.10.2	Analisis Varian (Anova Sehalu)	66
3.10.3	Analisis Korelasi	67
3.10.4	Aras Signifikan	68
3.10.5	Skala Pengukuran Hipotesis Kajian	68
3.11	Rumusan	70

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	71
4.2	Latar Belakang Responden	71
4.2.1	Taburan Kaum Mengikut Jantina Pelajar	72
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pencapaian Bahasa Melayu PMR 2007	72
4.3	Dapatan Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian	74

4.3.1	Analisa Ujian-t Bertujuan Untuk Melihat Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	74
4.3.2	Analisa Ujian ANOVA Satu Hala Bertujuan Untuk Melihat Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Di Kalangan Pelajar Mengikut Kaum	74
4.3.3	Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Dengan Minat Membaca	75
4.3.4	Hubungan Perpersi Pelajar Terhadap Program NILAM Dengan Pencapaian Bahasa Melayu PMR 2007	76
4.4	Analisa Keseluruhan Dapatan Hipotesis Kajian	77
4.5	Dapatan Kajian Berdasarkan Temu Bual Dengan Responden	78
4.5.1	Soalan Kajian 1: Peranan Ibu Bapa/Penjaga Dalam Menyediakan Bahan Bacaan Di Rumah	78
4.5.2	Soalan Kajian 2: Peranan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Mengambil Tahu Tentang Isi Kandungan Buku Yang Dibaca	78
4.5.3	Soalan Kajian 3: Peranan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Menyemak Buku Rekod Bacaan NILAM	79
4.5.4	Soalan Kajian 4: Peranan Ibu Bapa/Penjaga Dalam Memberikan Galakan Membaca	79
4.5.5	Soalan Kajian 5 : Peranan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Membawa Ke Perpustakaan Awam	80
4.6	Rumusan	81

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	83
5.2	Rumusan Kajian	83
5.3	Perbincangan	85

5.3.1	Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	85
5.3.2	Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Di Kalangan Pelajar Mengikut Kaum	86
5.3.3	Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Dengan Minat Membaca	88
5.3.4	Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	89
5.3.5	Peranan Ibu Bapa Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Program NILAM	92
5.4	Perbincangan Kerangka Konseptual dan Teori	94
5.5	Cadangan	97
5.5.1	Kepada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN)	97
5.5.2	Kepada Pusat Sumber Perpustakaan Negeri (PSPN)	98
5.5.3	Kepada Pusat Kegiatan Guru (PKG) Peringkat Daerah	99
5.5.4	Kepada Pihak Pentadbir Sekolah	99
5.5.5	Kepada Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah / Guru NILAM	101
5.5.6	Kepada Guru-Guru Kelas	102
5.5.7	Kepada Semua Guru	103
5.5.8	Kepada Ibu Bapa	103
5.5.9	Kepada Semua Pelajar	104
5.6	Batasan Kajian	105
5.7	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	106
5.8	Penutup	108

BIBLIOGRAFI

BORANG SOAL SELIDIK

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual	2.3.1 Pelaksanaan Program NILAM Untuk Peringkat Negeri Sabah	20
Jadual	2.3.2 Markah dikira Mengikut Jumlah Buku yang dibaca bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Program NILAM tahap JAUHARI	22
Jadual	2.3.3 Markah Pengiktirafan bagi Tahap RAKAN PEMBACA	24
Jadual	3.3.1 Agihan Sampel Mengikut Sekolah	60
Jadual	3.5.1 Petunjuk Skala Kajian	61
Jadual	3.9.1 Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	65
Jadual	3.10.3.1 Petunjuk kekuatan korelasi	67
Jadual	3.10.5.1 Skala Pengukuran bagi Hipotesis Kajian	69
Jadual	4.2.1.1 Taburan Kaum Mengikut Jantina Pelajar	72
Jadual	4.2.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pencapaian Bahasa Melayu PMR 2007	73
Jadual	4.3.1.1 Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	74

Jadual	4.3.2.1	Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Di Kalangan Pelajar Mengikut Kaum	75
Jadual	4.3.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Di Kalangan Pelajar Mengikut Kaum	75
Jadual	4.3.3.1	Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Dengan Minat Membaca	76
Jadual	4.3.4.1	Hubungan Persepsi Pelajar Terhadap Program NILAM Dengan Pencapaian Bahasa Melayu PMR 2007	76
Jadual	4.4.1	Dapatan Ujian Hipotesis Kajian	77



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH**Muka Surat**

Rajah	2.7.1	Model Program NILAM	37
Rajah	2.13.1	Kerangka Konseptual	57



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

<i>NILAM</i>	=	<i>Nadi Ilmu Amalan Membaca</i>
<i>SEMAI</i>	=	<i>Sepuluh Minit Asas Ilmu</i>
<i>SAVI</i>	=	<i>Somatis, Auditori, Visual, Intelektual</i>
<i>CIPP</i>	=	<i>Context, Input, Process, Product</i>
<i>KPM</i>	=	<i>Kementerian Pelajaran Malaysia</i>
<i>BTP</i>	=	<i>Bahagian Teknologi Pendidikan</i>
<i>RP</i>	=	<i>RAKAN PEMBACA</i>
<i>PSS</i>	=	<i>Pusat Sumber Sekolah</i>
<i>ICT</i>	=	<i>Information Communication Technology</i>
<i>SJK (C)</i>	=	<i>Sekolah Jenis Kebangsaan Cina</i>
<i>SK</i>	=	<i>Sekolah Kebangsaan</i>
<i>SJK (T)</i>	=	<i>Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil</i>
<i>BTPN</i>	=	<i>Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri</i>
<i>PKB</i>	=	<i>Projek Khidmat Bantu</i>
<i>BKS</i>	=	<i>Bacaan Kegemaran Saya</i>
<i>FELDA</i>	=	<i>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan</i>
<i>PISA</i>	=	<i>Programme For International Assessment</i>
<i>OECD</i>	=	<i>Organisation For Economic Co-operation and Development</i>
<i>PMR</i>	=	<i>Penilaian Menengah Rendah</i>
<i>SMK</i>	=	<i>Sekolah Menengah Kebangsaan</i>
<i>SM</i>	=	<i>Sekolah Menengah</i>
<i>SPSS</i>	=	<i>Statistical Package For The Social Science</i>

<i>PSPN</i>	=	<i>Pusat Sumber Perpustakaan Negeri</i>
<i>PKG</i>	=	<i>Pusat Kegiatan Guru</i>
<i>OKU</i>	=	<i>Orang Kurang Upaya</i>
<i>PIBG</i>	=	<i>Persatuan Ibu Bapa dan Guru</i>
<i>NGO</i>	=	<i>Non Government Organisation</i>
<i>DBP</i>	=	<i>Dewan Bahasa dan Pustaka</i>
<i>PA</i>	=	<i>Penyesuaian Akademik</i>
<i>PPE</i>	=	<i>Penyesuaian Personal-Emosional</i>
<i>PKM</i>	=	<i>Penyesuaian Komitmen-Matlamat</i>
<i>IELP</i>	=	<i>Intensive English Language Programme</i>
<i>%</i>	=	<i>Peratus</i>
<i>p</i>	=	<i>Aras Signifikan</i>
<i>r</i>	=	<i>Pekali Korelasi</i>
<i>rho</i>	=	<i>Korelasi Spearman</i>
<i>Sig</i>	=	<i>signifikan</i>
<i>N</i>	=	<i>Bilangan</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	Muka Surat
A	Borang Soal Selidik	120
B	Surat Akuan Pasca	127
C	Surat BPPDP	128
D	Surat Kebenaran JPS	130
E	Jadual Penentuan Saiz Sampel	131
F	Senarai Panel Soalan	132
G	Transkripsi Temu Bual	133
H	Rajah 4.3.3.2	151




 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pepatah Melayu ada mengatakan "melentur buluh biarlah dari rebungunya." Begitulah juga dengan budaya membaca. Budaya membaca bermula dari rumah, berterusan ke alam persekolahan, institusi pendidikan tinggi dan seterusnya ke alam pekerjaan. Menurut Kamus Dewan (2002) baca bermaksud ruang atau bilik tempat membaca. Membaca pula membawa maksud memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya atau memahami makna sesuatu.

Harris dan Sipay (1980) menyifatkan proses membaca sebagai proses untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Seseorang itu akan dapat memahami apa yang dibacanya apabila berlaku interaksi antara pengamatannya tentang lambang-lambang yang dibaca, kebolehannya berbahasa dan pengetahuannya tentang alam sekeliling.

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang menjadi destinasi terbaik untuk terus memupuk dan menyuburkan tabiat gemar membaca di kalangan pelajar. Abdullah (2003) mengatakan bahawa dalam aspek budaya ilmu, diterapkan semangat mahu belajar di kalangan pelajar. Semua pihak di sekolah terutama pelajar-pelajar mesti berusaha ke arah mencapai kecemerlangan. Semangat ini dimanifestasikan dalam usaha rajin membaca dan membuat kerja.

Shahril dan Habib (1999) mengatakan bahawa bagi menangani perubahan dalam inovasi, guru juga perlu menguasai teknologi yang sentiasa berubah di samping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Guru perlu mengamalkan budaya membaca, budaya belajar, budaya berfikir, budaya menulis dan budaya berkarya.

Menurut Perpustakaan Negara Malaysia (1996) selain sekolah, perpustakaan juga memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat membaca dan bermaklumat selaras dengan keperluan yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara (Pindaan), 1987 Bahagian II 4 (2) (m) (dalam Perpustakaan Negara Malaysia, 1996 mukasurat 16) iaitu "menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca".

Perpustakaan Negara Malaysia (1996) mengatakan bahawa falsafah Perpustakaan Negara Malaysia adalah untuk membina insan berbudaya maju yang cintakan ilmu pengetahuan melalui pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat memajukan lagi tradisi ilmu di negara ini.

Irma (2005) mengatakan bahawa perpustakaan awam perlu memainkan peranannya sebagai institusi pendidikan tidak formal dan ia perlu mempunyai bahan-bahan berkualiti tinggi bagi mendidik masyarakat. Pemilihan bahan adalah nadi utama kepada proses pembangunan koleksi. Fungsi ini membina koleksi bagi kegunaan komuniti perpustakaan. Kemahiran, pengetahuan dan alat bantu pemilihan adalah diperlukan bagi pembangunan koleksi yang baik iaitu yang dapat memenuhi keperluan maklumat pelanggan (Irma, 2005). Melalui pembacaan, seseorang itu banyak memperolehi manfaat atau faedah seperti dapat menambahkan ilmu pengetahuan, pengalaman, mempelbagaikan khazanah ilmu dan sebagainya. Oleh itu, amalan membaca memainkan peranan dalam kehidupan seharian seorang pelajar.

Pelbagai usaha perlu dilakukan dan diberi penekanan yang wajar untuk membina tabiat membaca di kalangan pelajar supaya minat membaca sentiasa dipupuk dan dijadikan amalan yang berpanjangan di hati setiap pelajar. Menurut Jabatan Pendidikan Sabah (1999) salah satu usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memupuk tabiat membaca secara berterusan di kalangan pelajar ialah melalui Program NILAM atau dikenali sebagai Nadi Ilmu Amalan Membaca. Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) merupakan penggabungan atau adunan semua aktiviti galakan membaca yang dijalankan di sekolah-sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai kepada murid yang berjaya mengikuti program ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Jabatan Pendidikan Sabah (1999) Program NILAM merupakan program yang berterusan sepanjang tahun bermula dari murid Tahun satu sekolah rendah sehingga Tingkatan Lima di sekolah menengah. Penglibatan adalah meliputi kesemua murid. Aktiviti yang dijalankan dalam Program NILAM tidak terasing daripada proses pengajaran dan pembelajaran malah boleh diserap dan disepadu dalam semua bentuk aktiviti mengikut kesesuaian.

Jabatan Pendidikan Sabah (1999) mengatakan bahawa pelaksanaan program ini tidak bertujuan untuk menambahkan beban guru malah ia menjadi pemangkin dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyumbang ke arah pencapaian akademik yang cemerlang serta membina masyarakat berbudaya membaca. Pihak sekolah boleh mengubahsuai aktiviti tersebut mengikut persekitaran dan tahap kemampuan murid atau membentuk aktiviti lain melalui daya kreativiti dan inovasi guru-guru. Menurut Bahagian Teknologi Pendidikan (1998) matlamat utama Program NILAM

ialah untuk mewujudkan tabiat membaca yang berterusan di kalangan murid melalui pelbagai aktiviti agar murid banyak membaca dan menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca.

Aishah (1998) mengatakan bahawa Program NILAM merupakan satu program yang terancang dan berterusan di semua sekolah seluruh negara. Sekolah-sekolah digalakkan supaya menggabung atau mewujudkan sub program yang baru mengikut kesesuaian dan kewajaran dari segi saiz, lokasi dan kemudahan pada peringkat negeri masing-masing di samping meneruskan aktiviti-aktiviti yang sedia ada. Rekod bacaan murid, sistem pemarkahan dan ganjaran yang digalakkan diselaras dan dikelolakan secara berpusat.

Menurut Jabatan Pendidikan Sabah (1999) ada tiga elemen Program NILAM iaitu rekod membaca, pengesahan pembacaan dan pengiktirafan. Pertama, setiap pelajar merekodkan buku yang dibaca dalam buku rekod membaca Program NILAM. Kedua ialah pengesahan pembacaan. Guru mengesahkan rekod bacaan pelajar. Ketiga ialah pengiktirafan. Pengiktirafan diberi kepada pelajar berdasarkan bilangan buku yang dibaca. Program NILAM dijalankan mengikut kaedah Kawalan iaitu masa yang ditetapkan mengikut jadual, semua bacaan direkod dan diurus secara sistematik, pengesahan bacaan rekod yang boleh diubahsuai dan pengesahan rekod bacaan.

Ganjaran tahunan dalam bentuk Buku Rekod Kemajuan dan Sijil Khas (atas inisiatif sekolah). Selepas lima tahun di sekolah menengah Sijil Berhenti Sekolah dan Surat Akuan Sekolah akan diberikan. Jabatan Pendidikan Sabah (1999) mengatakan bahawa masa yang dicadangkan dalam Program NILAM ialah pertama, satu slot semua bahasa secara integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Satu slot atau satu masa (sekali dalam seminggu), dikhaskan untuk Program NILAM. Mata pelajaran bahasa